



AHLI-AHLI PARLIMEN, DEWAN UNDANGAN NEGERI, MAJLIS PBT DIBERI TAKLIMAT TENTANG KEMAJUAN LALUAN MRT SSP

Kuala Lumpur, 23 Mei 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) telah mengadakan sesi taklimat kemajuan projek bagi Ahli-Ahli Parlimen, Dewan Undangan Negeri dan Majlis Pihak Berkuasa Tempatan di mana kawasan mereka terlibat dengan pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Sesi taklimat diadakan di Pusat Latihan MRT Lembah Klang, Sungai Buloh dan diberi oleh Pengarah Projek Laluan SSP MRT Corp Dato' Amiruddin Ma'aris.

Para hadirin telah diberitahu tentang pembinaan Laluan SSP yang kini sedang berjalan lancar dan berada dalam 7.5% siap.

"Memandangkan pakej kerja sivil dan sistem yang telah dianugerahkan, kerja-kerja pembinaan telah pun bermula bagi kedua-dua jajaran bertingkat utara dan selatan, bahagian bawah tanah dan depoh. Kerja-kerja sedang berjalan dengan pesat dalam semua bahagian," kata Amiruddin.

Bagi bahagian bertingkat, kemajuan pakej kerja pertama dan kedua ialah pada 20.9% dan 10.3%, dan kerja-kerja pembinaan yang giat dijalankan dapat dilihat di sepanjang Jalan Kuala Selangor hingga ke Jalan Kepong.

"Dengan kerja-kerja tukup cerucuk dan pemasangan kepala tiang dijalankan sepanjang kawasan-kawasan ini, kami menjangka dapat melancarkan pemasangan Galang Kekotak Bersegmen di dua lokasi, iaitu di Prima Damansara dan di Kepong Baru menjelang suku ketiga tahun ini," jelas Amiruddin.

Kerja-kerja lain yang sedang dijalankan di sepanjang bahagian bertingkat adalah kerja-kerja tanah, penempatan semula utiliti, pembersihan tapak dan kerja-kerja cerucuk gerak.

Pelancaran Galang Kekotak Bersegmen pra-tuangan dengan menggunakan Gantri Pelancaran merupakan satu tahap kejayaan utama bagi Laluan MRT SSP kerana ia



akan membuka jalan bagi pembinaan landasan kereta api laluan bertingkat, diikuti dengan stesen bertingkat.

Sebanyak 15,241 unit Galang Kekotak Bersegmen akan dilancarkan untuk membina jejambat rentangan biasa bagi jajaran bertingkat Laluan MRT SSP. Bagi jejambat rentangan yang lebih panjang, pembinaan akan menggunakan Sistem Kekuda yang disokong oleh Kren (*Tresle System Supported by Crane*) ataupun Kaedah Pelancaran Julur Seimbang Bersegmen (*Balanced Cantilever Segmental Launching method*).

Bagi Kerja-Kerja Bawah Tanah pula, Amiruddin berkata kerja sedang berjalan lancar dengan kemajuan pada 8.7%. Kerja di semua 11 stesen bawah tanah MRT sedang berjalan dengan kebanyakan kerja-kerja ditumpukan kepada penempatan semula utiliti, pembinaan dinding diafragma dan kerja-kerja penutupan alur, dengan penggalan kekotak stesen dan syaf.

Sebanyak 12 buah Mesin Pengorek Terowong akan digunakan untuk menggali terowong bagi bahagian bawah tanah Laluan SSP sepanjang 13.5km. Di antara kesemua mesin ini, lapan Mesin Pengorek Terowong merupakan mesin yang telah digunapakai bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang yang akan dipulihsemula, sementara empat yang lain merupakan Mesin Pengorek Terowong baru.

“Melihat kepada kemajuan pada tahap ini, Kontraktor Kerja Bawah Tanah kami boleh melancarkan empat buah Mesin Pengorek Terowong pada suku pertama tahun 2018. Kami berharap untuk melancarkan dua Mesin Pengorek Terowong dari tapak Stesen MRT Titiwangsa S13 ke tapak Kekotak Persilangan Landasan berhampiran dengan Hospital Kuala Lumpur dan baki dua Mesin Pengorek Terowong dari tapak Stesen MRT Bandar Malaysia Utara ke tapak Stesen MRT Chan Sow Lin S20 akan datang,” kata Amiruddin.

Dengan kemajuan yang dicapai setakat ini, Amiruddin begitu positif tentang Fasa Pertama Laluan MRT SSP antara Kwasa Damansara ke Stesen MRT Kampung Batu S09 akan mula beroperasi pada Julai 2021, sementara keseluruhan laluan akan mula beroperasi sepenuhnya pada Julai 2022.

-tamat/-



Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li

MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali

MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my